

01/07/2001

Musa lebih tenang layan anak, cucu

Jamhariah Jaafar

MANUSIA hanya menyedari siapa kawan sebenar apabila mereka mengalami kesukaran hidup terutama selepas bersara. Hakikat itu diinsafi sepenuhnya Tan Sri Musa Hitam, yang membuat keputusan melepaskan kedudukan sebagai orang kedua terpenting negara pada 1986.

"Kedudukan saya boleh dikatakan status yang cukup tinggi iaitu yang kedua dalam negara yang memiliki segala kemudahan, iringan polis, protokol, bunga manggar, kompong iaitu lengkap dengan apa yang dikatakan 'kelengkapan' ... semua itu hilang dalam sekelip mata," katanya ketika menceritakan kehidupan yang dilalui selepas membuat keputusan melepaskan segala pangkat, kedudukan serta kehidupan mewah sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Bagaimanapun, Musa reda dengan apa yang berlaku ke atas dirinya kerana keputusan melepaskan segala 'kedudukan dan kesenangan hidup' itu kehendak dirinya sendiri dan insaf terhadap kesan yang bakal menimpa.

Implikasi terhadap keputusan itu ternyata bukan saja membabitkan kedudukan statusnya, bahkan turut mengheret corak kehidupan harian keluarga apabila kehidupan yang selama ini serba mewah terus terhenti.

"Dari segi keluarga, ia sebenarnya memberi kelegaan kerana saya mempunyai lebih banyak masa untuk mereka. Cuma yang menjadi masalah ialah saya tidak mempunyai pendapatan bulanan yang sama iaitu cara kehidupan yang dilalui harus diturunkan... dari tahap yang tinggi dengan gaji dan elaun beribu-ribu ringgit kepada hampir tidak ada apa (kecuali pendapatan sebagai wakil rakyat).

"Penukarannya begitu mendadak. Hinggakan waktu itu saya nyaris-nyaris terpaksa jual rumah dan harta saya... dua tahun saya merana dari segi pendapatan," katanya penuh insaf.

Tetapi tokoh yang kaya dengan senyuman ini, bernasib baik kerana mempunyai sikap yang mampu 'mentertawakan diri sendiri' (sense of humour) dan memang sejak memasuki gelanggang politik sudah menyediakan mental bahawa apa yang dimiliki boleh hilang dalam sekelip mata.

Politik ternyata suatu gelanggang yang penuh dengan keunikan tersendiri. Ketika berkuasa, semua manusia akan berebut-rebut untuk berada di sisi.

"Tetapi selepas melepaskan jawatan, barulah saya sedar sebenarnya kita ini tidak mempunyai ramai kawan. Dulu yang mengaku saudara walaupun sekadar bau-bau bacang memang beribu-ribu, yang tidak kenal muka pun mengaku kawan.

"Selepas tidak mempunyai apa-apa, semua meninggalkan saya. Tapi saya menghadapi semua ini dengan tenang kerana saya memang insaf perkara seumpama akan dilalui orang politik pada bila-bila masa," katanya.

Kerana itu katanya, ketika menjadi TPM setiap kali menghadapi muka baru beliau akan menasihatkan mereka bahawa dalam dunia politik mereka mungkin memegang jawatan tinggi tetapi 'esok' bersedialah menjadi orang biasa.

"Kalau kita bersedia dengan pemikiran sedemikian, insya-Allah kita akan selamat, boleh menghadapi apa jua cabaran dengan ketabahan hati dan menjalankan tugas dengan penuh maruah dan wibawa," katanya.

Bagaimanapun, ternyata kawan sejati muncul pada waktu kesusahan dan bagi Musa, golongan ini sahabat ketika zaman persekolahan dan menuntut di universiti.

"Dalam tempoh dua tahun itu, saya tidak bekerja dan tidak ditegur orang. Mereka yang dulu menganggap saya sebagai kawan kerana ada kepentingan, meninggalkan saya kerana takut kalau rapat dengan saya nanti mereka dicap

dan periuk nasi mereka tergugat," katanya.

Anak kelahiran Segamat ini juga bersyukur kerana pengalaman yang boleh dianggap `trauma' bagi mana-mana ahli politik, dapat dihadapi dengan tenang kerana memang sudah bersedia, kecuali yang tidak dijangka ialah kedudukan kewangan yang begitu perit.

Ketiadaan pekerjaan dan sumber pendapatan tetap menyebabkan beliau menerima tawaran untuk menjadi `fellow resident' di Universiti Harvard selama setahun, sebelum ditawarkan menjadi pengerusi sebuah syarikat pengeluaran coklat.

"Saya anggap tawaran itu sebagai belas ihsan daripada golongan tertentu... anehnya mereka bukan daripada kalangan bangsa Melayu. Dapatlah saya pendapatan dua, tiga ribu ringgit dan itulah yang menstabilkan sedikit kehidupan saya," katanya.

Tetapi Musa tidak sedikitpun kesal dengan pengalaman perit yang dilaluinya itu kecuali apabila membabitkan masalah kewangan. "Itu bukanlah bermakna keperluan saya ini banyak sangat tetapi ia untuk kepentingan anak dan keluarga.

"Jika ikut mentaliti saya senang saja, saya sudah pun bersedia tinggal di rumah teres malahan sudah berbincang untuk mencari rumah lebih kecil, seperti kata orang hidup dengan cara mengukur baju di badan sendiri," katanya.

Musa mengakui, ketika berkuasa dulu, beliau tidak terlintas mengumpul `harta', kecuali membuat sedikit simpanan yang tidak pun mampu menampung corak kehidupan yang selesa ketika menjawab Timbalan Perdana Menteri.

Bagaimanapun, ketokohan serta kebijaksanaan Musa terutama sebagai diplomat ternyata tidak dibiarkan begitu saja. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyedari adalah tidak adil membiarkan pengetahuan serta pengalaman Musa berlalu begitu saja.

Justeru, selepas kemelut politik sejak 1987 reda dan kedudukan kembali kepada sedia kala, Perdana Menteri menawarkan Musa tugas sebagai Duta Khas ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) iaitu satu tanggungjawab yang diterimanya tanpa teragak-agak.

"Bagi saya, berkhidmat untuk negara bukan bermakna kita mesti memegang jawatan sebagai menteri atau aktif dalam politik. Ada cara lain untuk kita terus membantu. Jadi apabila Dr Mahathir menawarkan jawatan itu, saya terima saja," katanya.

Hasilnya, beliau memegang jawatan berkenaan selama enam tahun dan pada masa sama dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Hak Asasi Manusia PBB, yang secara langsung mengharumkan nama Malaysia di persada antarabangsa.

Musa juga turut dipilih Dr Mahathir untuk menganggotai Kumpulan Bertindak Menteri-Menteri Komanwel (CMAG) yang sepatutnya diwakili Menteri-menteri Luar dan beberapa kali mengetuai delegasi bagi menjadi perunding kepada krisis politik antarabangsa. Antaranya di Peru, Nigeria dan Pakistan.

"Saya masih lagi anggota CMAG dan kini memasuki tahun keenam. Saya berani mengatakan saya turut mengharumkan nama Malaysia.

"Saya bukan pergi sebagai Musa Hitam tapi sebagai wakil Malaysia dan saya perlu ketepikan sikap rendah diri untuk mengatakan kami sudah memainkan peranan yang begitu konstruktif dan positif," katanya sambil memberitahu topik kegemarannya iaitu diplomasi antarabangsa.

Musa sebenarnya tidak lokek menyumbang pengalamannya pada peringkat institusi pengajian tinggi tempatan, tetapi sehingga kini tiada yang meminta beliau berbuat demikian.

Beralih kepada kehidupannya sekarang, selain sibuk sebagai Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam), Musa banyak menghabiskan masa di padang golf bagi memastikan tubuhnya yang sudah berusia 66 tahun itu terus tegap dan segar.

"Kalau saudara nampak di padang golf, ada orang memakai payung dan berlari... itu sayalah. Dalam tempoh empat jam bermain, kurang-kurangnya satu jam saya berlari."

Musa juga bersyukur kehidupannya lebih aman dan tenang sekarang, berbanding pengalaman masa lalu malah hubungannya sesama keluarga termasuk bekas isterinya, Maria, juga begitu baik.

"Kalau saya nak beritahu orang saya ini masih muda saya akan katakan saya mempunyai seorang anak lelaki tujuh tahun. Kalau saya nak beritahu saya ini orang tua, saya akan katakan saya sudah ada cucu tiga orang.

"Saya kini mempunyai penghidupan terbaik. Keempat-empat anak kecil ini menceriakan hidup saya. Saya ada masa dengan mereka dan tiap-tiap Sabtu semua berkumpul di sini (rumah di Kuala Lumpur) dan saya memainkan peranan sebagai bapa dan datuk," katanya yang mempunyai empat anak dan yang paling bongsu berusia lapan tahun, serta tiga cucu yang paling tua juga berusia lapan tahun.

Anak lelakinya, Abdul Rashid Carlos, bersama isterinya, Rozita, meninggal dunia dalam tragedi di Highland Towers, pada 1993. Daripada dua anak perempuan, seorang menetap di Australia.

Mengenai namanya masih disebut-sebut akan kembali aktif di gelanggang politik, Musa dengan rendah diri berkata jika diikuti perasaan ego memang mudah untuk beliau lupa daratan.

"Satu daripada kelemahan pemimpin yang sudah bersara ialah apabila namanya disebut semula, egonya kembali besar. Bagi saya, itu penghargaan besar tetapi saya tidak akan jatuh ke dalam perangkap itu.

"Bagi saya cukup mudah... 'enough is enough', cukup. Saya sudah memainkan peranan saya mengikut prinsip saya sendiri dan rekod saya sungguh baik. Saya amat bangga atas peranan saya selama iaitu sejak memegang jawatan sebagai Setiausaha Politik kepada Datuk Sardon Jubir sehingga menjadi Timbalan Perdana Menteri.

"Saya fikir saya sudah memainkan peranan besar. Sama ada orang terima atau tidak, itu tidak menjadi soal... sejarah akan menentukan. Tetapi cukuplah dengan apa yang saya sumbangkan selama ini."